



## Factsheet CR18

### Kategori-kategori kerja berkenaan kanak-kanak 18: Perkhidmatan hiburan atau majlis untuk kanak-kanak



Malay | Bahasa Melayu

Perkhidmatan hiburan atau majlis untuk kanak-kanak termasuk berbagai-bagai situasi, namun kategori ini juga ada exemption (kelonggaran) khas.

#### Jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak

Di bawah ini ada beberapa jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak. Harap ingat, dalam semua hal, jawatan itu dianggap kerja berkenaan kanak-kanak kalau **tugas biasa (usual duties)** jawatan itu mesti ada, atau boleh dikatakan ada, **kontak (contact)** dengan seorang **kanak-kanak (child)**. Jawatan yang berkenaan termasuk:

- pekerja pusat permainan dalam bangunan yang ada kontak dengan kanak-kanak dalam tugas mereka yang biasa
- orang yang menyediakan khidmat hiburan umum khas untuk kanak-kanak, seperti ahli silap mata, badut, atau watak-watak interaktif kanak-kanak, jika ada kontak dengan kanak-kanak
- orang yang menyediakan 'hiburan pendidikan' interaktif khas untuk kanak-kanak, termasuk kumpulan sekolah, di tempat yang ada nilai pendidikan seperti pusat sains teknologi, muzium dan taman negara
- pekerja ladang ternak haiwan yang pergi ke acara khas untuk kanak-kanak, seperti kelompok bermain dan majlis hari lahir kanak-kanak, dan ada kontak dengan kanak-kanak dalam tugas mereka yang biasa
- Santa Claus dan penghibur musim perayaan yang lain (iaitu sebagai elves), serta pekerja fotografi di 'kampung Santa Claus' yang ada kontak dengan kanak-kanak dalam tugas mereka yang biasa
- orang yang mengadakan program bermain dan aktiviti percutian untuk kanak-kanak
- orang yang menyampaikan program bercerita untuk kanak-kanak, seperti 'rhyme time'.

#### Exemption (kelonggaran)

Ada beberapa exemption untuk kategori ini:

- **sukarelawan (volunteers)** muda – kerja yang dilakukan oleh sukarelawan bawah umur 18 tahun

- **pelajar (students)** yang menjalani latihan praktikal tidak dibayar gaji dan umurnya kurang 18 tahun
- **pelawat yang tinggal tidak lama (short-term visitors)** di WA
- kalau kanak-kanak mengikuti aktiviti, atau biasanya mengikuti aktiviti, dan ibu atau bapanya menjadi sukarelawan dalam aktiviti yang sama, lihat [Factsheet CRW03 – Exemptions, the parent volunteer exemption](#)
- acara nasional atau jelajah nasional sekali sahaja, lihat [Factsheet CRW02 – Exemptions, one-off national events and national tours](#)
- pegawai polis yang melakukan tugas sebagai anggota WA Police
- pertunjukan yang terbuka untuk orang ramai, dan tidak ada bersentuhan tubuh dengan kanak-kanak, sama ada dengan bayaran atau tidak, misalnya, Disney on Ice
- perkhidmatan yang menyediakan peralatan, makanan, atau tempat saja dan tidak ada khidmat hiburan atau majlis yang lain untuk kanak-kanak.

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di [www.workingwithchildren.wa.gov.au](http://www.workingwithchildren.wa.gov.au)